

Najib Dijadual Melawat Sabah Jumaat Dan Sabtu Ini
Bernama
18 April , 2012

KOTA KINABALU, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual melawat Sabah pada Jumaat dan Sabtu ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Akhbar Jabatan Ketua Menteri Sabah di sini Rabu, Perdana Menteri mempunyai atur cara yang padat sepanjang lawatan dua hari itu.

Najib dijadual menghadiri majlis pelancaran Minggu Saham Amanah Malaysia 2012 di Kompleks Sukan Likas, dekat sini sejurus tiba di Negeri Di Bawah Bayu pada kira-kira pukul 2.30 petang pada Jumaat.

Beliau kemudiannya akan berlepas ke Sandakan, bahagian pantai timur Sabah, bagi menghadiri Majlis Perdana Bersama Rakyat 1Malaysia Parlimen Sandakan dan Parlimen Batu Sapi di Dewan Hakka, Sandakan.

Pada keesokan harinya, Perdana Menteri akan melakukan tinjauan Mesra di Taman Mawar dan Bandar Kim Fung, Sandakan sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659935>